

**Polis Sedang Siasat Pemimpin Pembangkang Didakwa Hina Raja Semasa
Pertabalan Agong
Bernama
02 Mei, 2012**

KUALA LUMPUR, 2 Mei (Bernama) -- Polis sedang menjalankan siasatan berhubung dakwaan bahawa beberapa pemimpin pembangkang menghina institusi raja semasa pertabalan Yang di-Pertuan Agong ke-14 Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah, bulan lepas.

Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Lee Chee Leong berkata siasatan mengikut Akta Hasutan 1970 itu dijangka mengambil masa lebih kurang tiga bulan.

Katanya kertas siasatan akan diserahkan kepada Pejabat Peguam Negara untuk diteliti sama ada terdapat bukti kukuh untuk mendakwa mereka yang terlibat dalam insiden tersebut ke mahkamah atau sebaliknya.

"Kerajaan sentiasa memandang serius mana-mana perbuatan atau tindakan mana-mana pihak yang memperlekeh institusi raja di negara ini.

"Kita akan mengambil tindakan berlandaskan undang-undang sedia ada tanpa mengambil kira latar belakang orang yang terlibat," katanya ketika menggulung perbahasan titah ucapan Yang di-Pertuan Agong di Dewan Negara di sini, pada Rabu.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=663317>